

6 Januari 2018

Tiga penyamun termasuk dua beranak ditangkap

Tiga penyamun termasuk dua beranak ditangkap



SHAMSUL AMAR

KLANG - Tiga penyamun termasuk dua beranak yang berada di bawah pengaruh dadah, ditangkap ketika sedang mencerooboh dan mencuri di dalam stor sebuah kilang kayu di kawasan perindustrian Pandamaran Jaya, Pelabuhan Klang di sini kelmarin.

Kesemua suspek lelaki berusia antara 19 hingga 53 tahun ditahan kira-kira pukul 1.40

petang.


Ketua Polis Daerah Klang Selatan, Asisten Komisioner Shamsul Amar Ramli berkata, berdasarkan siasatan, kesemua suspek didapati masuk ke dalam premis berkenaan yang tidak berkunci.

"Hasil pemeriksaan menemui tiga spanar pelbagai saiz dan masing-masing satu gergaji besi, pemutar skru dan *allen*

key yang disyaki dicuri dalam premis berkenaan.

"Ujian air kencing mendapati dua daripada suspek yang merupakan anak-beranak positif dadah jenis syabu," katanya ketika dihubungi semalam.

Menurut Shamsul Amar, ketiga-tiga suspek kini ditahan reman sehingga 8 Januari depan bagi membantu siasatan.



ANTARA barang yang ditemui dicuri dalam stor sebuah kilang di kawasan perindustrian Pandamaran Jaya, Pelabuhan Klang kelmarin.